

INFO

Burung puyuh sejuk beku

Tempahan:
017-6559927 (Hani)

Mentah
5 ekor RM12.50
10 ekor RM25.00

Berempah
5 ekor RM15
10 ekor RM30

Tepung Auntie Anie
Powder (untuk salut puyuh)
Asli RM5
Pedas RM5

Jualan puyuh sejuk beku lumayan

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@
bh.com.my

► Serdang

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Hani Ithanin, 24, mendapat inspirasi daripada perniagaan ternakan ayahnya, Ithanin Sapuan untuk memulakan perniagaan menjual puyuh sejuk beku, telur puyuh dan tepung lima tahun lalu.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan itu berkata, beliau berniaga produk berdasarkan puyuh kerana makanan itu disebut dalam Surah al-Bakarah ayat 57 selain faktor stok puyuh sukar didapati di Johor.

Katanya, menyedari hakikat daging burung puyuh mengandungi banyak khasiat seperti asid lemak ‘polyunsaturated’ yang penting, mineral fosforus, vitamin B3 dan B6, anak kelahiran Bandar Tenggara, Johor itu tidak melepaskan peluang untuk menternak serta menjualnya.



Tumpang ladang kambing

Saya menternak puyuh di ladang ternakan lembu, kambing dan ayam milik

ayah saya di kampung.

Kerja ternakan dilakukan saya sendiri seperti pembelian stok anak puyuh dari Melaka dengan

harga 60 sen seekor dan membeli makanan, manakala proses penyembelihan serta pembersihan dilakukan abang sebelum

disimpan dalam peti sejuk seterusnya dibungkus.

“Setiap bulan 2,000 anak puyuh akan masuk reban dan jumlah sama

juga akan keluar untuk dipasarkan,” katanya ketika ditemui di Kompleks Mahasiswa UPM, di sini, baru-baru ini.

Rezeki Ramadan

Nur Hani berkata, perniagaannya sangat sibuk pada Ramadan kerana beliau tidak ketinggalan untuk berniaga di bazar Ramadan setiap tahun sehingga meraih untung bersih secara purata RM2,000 setiap tahun.

Perniagaannya itu memenangi Cabaran Perdagangan Keusahawanan Pusat Transformasi Komuniti 2013 anjuran UPM dengan menerima RM1,500, plak, sijil serta paket lawatan perniagaan ke Guangzhou, China.

“Dalam cabaran perniagaan itu, saya berjaya memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM11,000 menerusi perniagaan burung puyuh.

“Program itu banyak membantu saya menjalankan perniagaan terutama menerusi bimbingan serta perkongsian pengalaman yang disampaikan usahawan berjaya.

“Program itu mendorong saya untuk meneruskan perniagaan ini dan saya juga akan mencari lebih banyak peluang bagi meluaskan pasaran,” katanya.